

PANDUAN PERSEDIAAN MENGHADAPI RAMADAN SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dalam kesempatan yang ada ini, marilah kita sama-sama bermuhasabah diri sebagai persediaan penting untuk diri kita dan keluarga kita di samping memanjatkan doa kepada Allah SWT agar dikurniakan keteguhan iman serta nikmat kesihatan agar diberi kesempatan untuk bertemu dengan bulan Ramadan yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Oleh itu, seharusnya bagi kita untuk melakukan beberapa persediaan sebelum menjelangnya Ramadan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Tetap (PKP) yang merupakan peluang keemasan bagi kita untuk meneliti amalan-amalan tertentu yang boleh dimanfaatkan pada masa ini. Antara amalan-amalan tersebut ialah:

1. Menelaah semula hukum-hukum berkenaan puasa

Selain dari mengetahui hukum-hukum asas berkenaan puasa, amat perlu bagi umat Islam untuk mengetahui selok belok mengenai hukum-hukum tertentu yang bersifat semasa yang sering berlaku dalam bulan Ramadan. Apatah lagi dalam musim kawalan dari jangkitan COVID-19, pasti akan timbul isu-isu terbaru yang sangat penting untuk diketahui. Hal ini amat perlu bagi memantapkan lagi kefahaman serta meluruskan kekeliruan yang sering kali ditimbulkan.

2. Melazimkan amalan membaca al-Quran dan bertadarus

Bulan Syaaban dikenali sebagai 'Syahr al-Qurra' iaitu bulan membaca al-Quran manakala bulan Ramadan merupakan 'Syahr Mudarasa al-Quran' yang bermaksud bulan mempelajari al-Quran kerana peristiwa penurunan al-Quran berlaku dalam bulan Ramadan. Selain berkesempatan untuk memperbaiki mutu bacaan al-Quran serta mempelajari tafsirannya, ia merupakan amalan Rasulullah SAW serta salafus soleh yang telah menghidupkan dua bulan berkenaan (Syaaban dan Ramadan).

3. Melazimkan amalan qiyamullail

Amat baik untuk kita menjinakkan diri dengan amalan qiyamullail sebagai latihan bagi mendirikan solat tarawikh pada bulan Ramadan. Selain mempunyai ganjaran yang besar, ia juga merupakan ibadah yang menghidupkan malam Ramadan berdasarkan hadis yang berikut:

إِنَّهُ مَنْ قَامَ مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ كُتِبَ لَهُ قِيَامُ لَيْلَةٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya barang siapa yang mendirikan solat (solat tarawikh) bersama-sama dengan imam sehingga selesai maka ditulis oleh Allah baginya sebagai qiyamullail."

(Sunan at-Tirmidzi, hadith no. 806)

4. Melazimkan bersedekah

Salah satu dari aspek penyucian rohani adalah menerusi amalan bersedekah. Selain dari meringankan beban seseorang khususnya terhadap golongan fakir dan miskin, ia juga merupakan antara faktor menghubungkan jaringan kasih sayang atau silaturrahim. Malah, amalan bersedekah juga boleh menghapuskan segala dosa-dosa seperti mana sabda Rasulullah SAW:

الصَّوْمُ جُنَّةٌ ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ ، وَصَلَاةُ الرَّجُلِ مِنْ جَوْفِ اللَّيْلِ

Maksudnya: *“Puasa itu merupakan perisai, sedekah itu menghapus segala kesalahan seumpama air memadamkan api dan seorang lelaki menunaikan solat di pertengahan malam.”*

(Sunan at-Tirmidzi, hadith no. 2616)

5. Melazimkan zikrullah dan solat sunat

Terdapat juga zikir-zikir tertentu yang disusun khas sebagai wirid yang elok dibaca pada waktu-waktu yang tertentu sama ada wirid selepas solat berjemaah atau ma'thurat yang dibaca selepas solat Subuh dan Asar. Selain itu, terdapat juga solat-solat sunat yang harus dilakukan pada waktu siang seperti solat Dhuha, solat Tasbih serta solat rawatib (mengiringi waktu).

Disediakan oleh :

Jabatan Mufti Negeri Perak